## PERATURAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN BERSEMUKA KOLEJ POLY-TECH MARA

1. Pelajar hanya dibenarkan mengambil peperiksaan bagi kursus yang terdapat di dalam slip menduduki peperiksaaan sahaja.

2. Pelajar hendaklah membawa kad ID pelajar atau kad pengenalan/ paspot dan diletakkan di sebelah kanan meja sehingga peperiksaaan berakhir.

3. Pelajar dikehendaki menulis no. Kad id pelajar dan nama pelajar dengan terang dihadapan kulit luar buku jawapan peperiksaaan yang diberikan oleh pengawas peperiksaan.

4. Pelajar dikehendaki menggunakan **pen dakwat kekal** (pen mata bulat). Menulis dengan menggunakan pensil adalah **TIDAK** dibenarkan sama sekali.

5. Pelajar dikehendaki berpakaian sopan dan kemas mengikut peraturan rupa diri seperti yang digariskan oleh bahagian hal ehwal pelajar kolej poly-tech mara.

6. Pelajar **TIDAK DIBENARKAN:**

   a. membawa masuk nota/buku, kertas dan dokumen yang berkaitan.
   b. membawa masuk sebarang peralatan elektronik kecuali ia adalah keperluan peperiksaan, sekiranya pelajar membawa telefon bimbit, ia hendaklah **dimatikan** serta diletakkan di bawah meja.
   c. membaca atau cuba membaca kertas jawapan pelajar lain dan tidak dibenarkan meniru semasa peperiksaan.
   d. berkomunikasi dan mengganggu ketenteraman pelajar lain semasa peperiksaan.
   e. meninggalkan bilik peperiksaan 30 minit pertama dan 30 minit terakhir peperiksaan.
   f. masuk ke dewan peperiksaan 30 minit selepas peperiksaaan telah bermula.
   g. keluar ke tandas kecuali ditemani oleh pengawas peperiksaan.

7. Pelajar dikehendaki mengangkat tangan bagi menarik perhatian pengawas peperiksaan jika memerlukan kertas jawapan tambahan atau sebarang bantuan lain.

8. Pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini atau mana-mana arahan ketua pengawas/pengawas peperiksaan boleh dihalang dari menduduki peperiksaan dan sekiranya pelajar ada melakukan (kesalahan) akademik, pelajar akan dihadapkan ke Jawatankuasa Tatatertib Akademik pelajar (JKTAP) mengikut **PERATURAN AKADEMIK KPTM** terkini.

**BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK**
KOLEJ POLY-TECH MARA IBU PEJABAT

Tarikh Berkuatkuasa: Sesi Julai 2021

## BAHAGIAN III: RUPA DIRI DAN PAKAIAN

### PELAJAR LELAKI

### 12. RUPA DIRI PELAJAR LELAKI

Pelajar lelaki mestilah:

(a) Berpakaian kemas dan sopan pada setiap masa;

(b) Memakai kasut yang bersesuaian mengikut kesesuaian program/aktiviti di dalam atau luar kolej.

### 13. LARANGAN KE ATAS RUPA DIRI DAN PAKAIAN PELAJAR LELAKI

Pelajar lelaki tidak dibenarkan:
(a) menyimpan rambut / misai / janggut panjang yang tidak terurus

(b) memakai subang, rantai leher, subang hidung, rantai / gelang tangan atau sebagainya kecuali atas sebab-sebab berkaitan dengan agama;

(c) memakai kain pelikat/ sarung, sandal atau selipar atau kopiah atau serban kecuali dalam kediaman atau semasa menghadiri majlis-majlis keagamaan;

(d) memakai pakaian yang bertampal atau pakaian-pakaian yang mempunyai gambar atau perkataan yang menjelikkan;

(e) memakai baju singlet atau baju tidak berlengan atau seluar pendek kecuali dalam bilik kediaman;

(g) memakai seluar yang lusuh, berwarna-wami, bertampal, ketat atau koyak.

(h) menghias diri menyerupai perempuan

### PELAJAR PEREMPUAN

### 14. RUPA DIRI PELAJAR PEREMPUAN

Pelajar perempuan mestilah:

(a) Berpakaian kemas dan sopan pada setiap masa

(b) Memakai kasut atau sandal yang bersesuaian mengikut kesesuaian program/aktiviti di dalam atau luar kolej.

### 15. LARANGAN ATAS RUPA DIRI DAN PAKAIAN PELAJAR PEREMPUAN

Pelajar perempuan tidak dibenarkan:

(a) berpakaian jarang, ketat atau mengikut bentuk/susuk badan atau pakaian yang mempunyai gambar atau perkataan-perkataan yang menjelikkan;

(b) memakai kain berbelah atau blaus atau baju-t yang berpotongan terdedah;

(c) memakai skirt melainkan skirt labuh yang mencecah buku lali;

(d) memakai baju tidur, seluar pendek, baju-t tidak berlengan atau blaus tidak berlengan kecuali di dalam bilik kediaman;

(e) bersolek atau berdandan rambut secara keterlaluan;

(f) mewarnakan rambut;

(g) memakai barang-barang kemas atau perhiasan yang keterlaluan melainkan atas sebab-sebab berkaitan dengan agama (dan budaya);

(h) menghias diri menyerupai lelaki

### 16. GALAKAN MENUTUP AURAT

(a) Seseorang pelajar sangat digalakkan berpakaian menutup aurat.

(b) Pelajar hendaklah membuka purdah/niqab sewaktu berurusan rasmi dengan pihak kolej sekiranya diarahkan.

# MASA DIBENARKAN MEMASUKI KE DEWAN PEPERIKSAAN

- 15 minit sebelum masa peperiksaan bermula (8.45 am/ 2.00 pm) untuk mendengar taklimat peperiksaaan

# ITEM YANG WAJIB/DIBENARKAN DIBAWA KE DEWAN PEPERIKSAAN

- Slip Peperiksaan
  (tulis dewan dan no meja untuk semakan pengawas peperiksaan)
- Alatulis
- Kad Pelajar
- Barangan Berharga seperti telefon bimbit/dompet/kunci kenderaan



SLIP KELAYAKAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

(UNTUK DIBAWA KE DEWAN PEPERIKSAAN)

Nama Pelajar : [illegible] No. ID : [illegible]

Kod Kursus : AB101 No KP : [illegible]

No. Univ : - Semester : 4

SENARAI SUBJEK

| Bil | Kod Subjek | Nama Subjek | J/Kdt | Seksyen | S/E | DEWAN | NO MEJA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | HPS2013 | BASIC ORATORY | 3 | 2 | Y | | |
| 2 | MPU2412 | KHIDMAT MASYARAKAT 1 | 2 | 2 | Y | | |
| 3 | PEC2143 | MACROECONOMICS | 3 | 3 | Y | | |
| 4 | PFN1223 | FINANCIAL MANAGEMENT | 3 | 2 | Y | | |
| 5 | POB2113 | ORGANIZATIONAL BEHAVIOR | 3 | 2 | Y | | |
| 6 | TQM1063 | INTRODUCTION TO STATISTICS AND DATA ANALYSIS | 3 | 2 | Y | | |

Pelajar ini masih mempunyai tunggakan yuran pengajian sebanyak RM270.00(Tarikh Kemaskini :11/10/2022).
Sila dapatkan pengesahan daripada Jabatan Kewangan.

BAHAGIAN
11 OCT 2022

Perhatian Kepada Pelajar

1. Sila pastikan semua maklumat yang tercatat adalah benar. Sebarang pembetulan tidak akan dilayani selepas anda menandatangani slip ini.
2. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan pada senarai subjek diatas, sila bawa Slip Peperiksaan Akhir ini dan Slip Pendaftaran Subjek terkini ke Bahagian Kemasukan dan Rekod untuk pembetulan.
3. Bagi mendapatkan maklumat mengenai tarikh, tempat dan masa peperiksaan berjalan, pelajar hendaklah merujuk kepada notis yang dikeluarkan oleh Unit Peperiksaan.

Tanda Tangan Tarikh : 11/10/2022

# ITEM YANG TIDAK DIBENARKAN DIBAWA KE DEWAN PEPERIKSAAN

- Bekas pensel/pensel case
- Nota/Buku/Kertas yang berkaitan atau tidak berkaitan dengan kursus tersebut
- Jaket/Blazer




# RUPA DIRI DAN PAKAIAN

- Berpakaian kemas dan sopan
- Memakai kasut yang bertumit atau bertutup
- Tidak mewarnakan rambut dan memakai subang hidung